




Terfikir mahu bunuh ayah

Sikap panas baran serta garang membuatkan anak bertindak menderhaka

Soalan
SAYA ingin pandangan dan nasihat daripada Dr untuk menghadapi ujian yang cukup berat ini. Sebenarnya ketika ini saya amat tertekan dengan sikap bapa yang panas baran dan ego. Sejak saya kecil lagi memang saya tahu dia seorang yang tegas dan garang. Namun sejak akhir-akhir ini, perangnya bertambah teruk. Pantang ada kesilapan walaupun kecil pasti maki-hamun keluar dari mulutnya.
 Orang yang sering menjadi mangsa ialah ibu saya. Kadangkala hanya masalah remeh-temeh seperti gurauan, sembang-sembang mengenai politik bertukar menjadi

perang dingin. Walaupun bapa yang bersalah, namun dia akan mengamuk jika ibu tidak meminta maaf. Sudah banyak kali air mata saya mengalir mengenangkan nasib ibu.
 Ibu saya puas bersabar namun sesekali dia melawan juga. Tetapi jika dilawan, keadaan menjadi bertambah teruk. Apabila saya dan adik-adik cuba pertahankan ibu atau menegur perangnya, bapa mengamuk. Sampai satu tahap, bapa mahu membunuh adik saya dengan kerusi. Puas saya bersabar dengan perangnya yang mengalahkan orang gila.
 Saya sering mendoakan

bapa cepat mati. Sering juga saya ucapkan 'takkan pedulikan dia apabila dia sakit terlantar'. Saya tahu saya menjadi anak derhaka dan berdosa besar. Neraka adalah tempat untuk anak derhaka seperti saya. Tapi kadangkala perasaan menguasai akal.
 Pernah satu malam sewaktu saya melintasi tempat tidurnya, terngiang-ngiang di telinga bisikan menyuruh saya menekup mukanya dengan bantal hingga lemas. Pernah juga saya nekad mahu mencurah air panas di mukanya. Namun saya beristigfar. Apabila kewarasan datang semula, saya terfikir alangkah bodohnya



saya jika membunuhnya.
 Saya tidak mahu merosakkan masa depan yang mungkin masih jauh lagi untuk orang munafik seperti itu. Tolonglah saya Dr. Saya bimbang saya tewas dengan bisikan syaitan.

MENGHARAPKAN BANTUAN
 Kedah

Jawapan
KEHIDUPAN sebenarnya penuh dengan kekecewaan, kesakitan dan kehilangan. Tindakan tidak bertanggung-

jawab orang lain terhadap kita sering kali juga membuatkan hidup sengsara. Dalam permasalahan adik, sikap panas baran ayah terhadap keluarga dan adik ada kalanya menghilangkan sifat rasional dan pertimbangan diri.
Kemarahan adalah satu perasaan normal dan sihat. Namun, apabila berada di luar kawalan dan merosakkan, ia boleh mengundang satu masalah amat besar. Perasaan marah adik adalah sifat semula jadi untuk menyesuaikan diri kepada

ancaman ayah. Ia lahir dalam perasaan ingin mempertahankan diri apabila dimaki-hamun atau diserang secara lisan dan fizikal.
 Namun adik tidak boleh secara fizikal menyerang setiap individu atau objek yang menyebabkan adik marah. Agama, undang-undang, norma sosial dan akal meletakkan batasan kepada sejauh mana kita boleh meluahkan kemarahan kita.
 Seperti sikap panas baran ayah, adik juga ada kalanya dikawal emosi